

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 15/10/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Hakisan Pantai Sungai Haji Dorani makin teruk

Sungai Besar: Hakisan kawasan pantai di sekitar Pantai Sungai Haji Dorani, di sini, meresahkan penduduk di kawasan itu terutama ketika hujan lebat dan fenomena air pasang besar. Tinjauan *BH* mendapati kawasan tepi pantai itu terhakis teruk dan menyebabkan benteng penahan yang dibina di kawasan itu boleh runtuh bila-bila masa.

Penduduk, Arifin Bakar, 39, berkata beliau khuatir keselamatan penduduk sekitarnya benteng itu tidak mampu menahan hakisan.

"Orang kampung selalu bercakap benteng di sini (Pantai Sungai Haji Dorani) semakin terhakis saban hari. Kalau tidak dibaiki (benteng), berkemungkinan besar ia akan runtuh dan semua (penduduk) di sini akan terjejas."

"Malah, bencana boleh berlaku apabila ombak besar dan ribut sekiranya benteng penahan itu tidak dibaiki dengan kadar segera," katanya.

Arifin mendakwa, hakisan itu juga menyebabkan haiwan seperti burung tidak lagi berada sekitar pantai itu.

Penduduk lain, Hamsan Sa-hudin, 57, berkata pihak berwajib perlu membuat benteng penahan baharu bagi mengantikan yang sedia ada.

"Binalah benteng baharu dan tambak kawasan yang be-

risiko supaya hakisan dapat dikurangkan.

"Tak kan nak tunggu benteng penahan pecah, baru nak ambil tindakan? Yang akan jadi mangsa nanti, penduduk yang tinggal sekitar kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar Muslimin Yahaya berkata, beliau akan berhincang dengan pihak berkaitan bagi tindakan lanjut.

"Bukan sahaja Pantai Sungai Haji Dorani yang terjejas akibat hakisan, malah Pantai Batu 23, Sungai Nibong dan Parit 5, Sekinchan turut mengalami masalah sama.

Di Kuala Terengganu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM90 juta bagi melaksanakan projek mengatasi masalah hakisan pantai di Kampung Pangkalan Maras.

Kerja penambahbaikan membabitkan kawasan sepanjang 500 meter itu dijangka dimulakan akhir bulan ini.

"Selepas Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan projek mengatasi masalah hakisan di kawasan Mengembang Telipot, kesannya menyebabkan hakisan di Kampung Pangkalan Maras yang terletak bersebelahan," katanya.

Antara kaedah yang dipertimbangkan adalah membina benteng pemecah ombak atau *T-Groins* seperti yang dilaksanakan di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu.

Kerajaan negeri akan terus berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan segera dapat dikeluarkan untuk projek pengawalan hakisan di beberapa pantai lain yang turut terjejas dengan hakisan di Dungun, Kemaman dan Besut.

"Hakisan di semua pantai itu dikategorikan kritikal dan memerlukan peruntukan besar

di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan," katanya.

Di Melaka, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Abdul Hakim Hamzah berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM3 juta kepada pihaknya untuk melaksanakan pembinaan tembok lapis lindung atau *rock revetment* bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang serius di tiga kampung di perairan pantai barat Melaka, di Alor Gajah.

Ia membabitkan Kampung Hillir, Kuala Sungai Baru; Kam-

pung Tanjung Dahan di Kuala Linggi dan Kampung Pengkalan Balak di Masjid Tanah yang mengalami hakisan pantai teruk sejak hujung Ogos lalu berikutan ombak besar.

"Setakat ini hanya tiga kampung itu akan terdabit dalam pembinaan tembok *rock revetment*, manakala Kampung Balik Batu di Tanjung Bidara yang turut mengalami masalah yang sama, perlu menunggu peruntukan yang lain," katanya.

**Kalau tidak
dibaiki**

**(benteng),
berkemungkinan besar
ia akan runtuh dan
semua (penduduk)
di sini akan terjejas.**

Arifin Abu Bakar,
Penduduk

**Kedua benteng penahan
yang terjejas akibat hakisan
dan fenomena air pasang besar
di Pantai Sungai Haji Dorani.**
(Foto Amrul Aiman Hamsuddin/BH)